



20 Julai 2017
20 July 2017
P.U. (A) 200

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN MAKANAN (PINDAAN) (NO. 3) 2017

FOOD (AMENDMENT) (NO. 3) REGULATIONS 2017

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA MAKANAN 1983

PERATURAN-PERATURAN MAKANAN (PINDAAN) (NO. 3) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 34 Akta Makanan 1983 [Akta 281], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Makanan (Pindaan) (No. 3) 2017.**

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 15 Jun 2018.

Pindaan peraturan 42

2. Peraturan-Peraturan Makanan 1985 [P.U. (A) 437/1985], yang disebut "Peraturan-Peraturan ibu" dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam subperaturan 42(2), dengan menggantikan perkataan "atau sulphites" dengan perkataan ", sulphites atau asparaginase".

Penggantian peraturan 43

3. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 43 dengan peraturan yang berikut:

"Tepung 43. (1) Tepung gandum hendaklah terdiri daripada—
gandum

(a) gandum biasa (*Triticum aestivum L.*);

(b) gandum klub (*Triticum compactum Host*); atau

(c) suatu campuran antara gandum biasa (*Triticum aestivum L.*) dengan gandum klub (*Triticum compactum Host*).

(2) Tepung gandum hendaklah hasil halus, bersih dan baik yang diperoleh melalui proses pengisaran atau pengilangan gandum yang baik dan bersih.

(3) Tepung gandum boleh—

(a) mengandungi asparaginase, amylase, amyloglucosidase, cellulase, glucose oxidase, protease dan lipase sebagai kondisioner makanan yang dibenarkan; dan

(b) ditambah dengan tidak lebih daripada 0.75 peratus gandum malt atau barli malt.

(4) Melainkan sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam Peraturan-Peraturan ini, tepung gandum—

(a) tidak boleh mengandungi lebih daripada—

(i) 14 peratus lembapan; dan
(ii) 1 peratus abu dihitung atas asas 14 peratus lembapan; dan

(b) hendaklah mengandungi tidak kurang daripada 7 peratus protein dihitung atas asas 14 peratus lembapan.

(5) Saiz zarah tepung gandum hendaklah tidak kurang daripada 98 peratus yang boleh menembusi penapis bersaiz 0.20 mm.

(6) Walau apa pun subperaturan 26(7), label yang memperihalkan tepung gandum tidak boleh mengandungi perkataan “tepung diperkaya” atau apa-apa perkataan lain yang mempunyai makna yang sama melainkan nutrien yang berikut terkandung dalam 100 gm tepung gandum atas asas 14 peratus lembapan yang tidak kurang daripada—

(a) 0.42 mg thiamina;

(b) 0.48 mg riboflavin; dan

(c) 5.4 mg niasin.”.

Penggantian peraturan 44

4. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 44 dengan peraturan yang berikut:

- | | |
|--|---|
| “Tepung
gandum
diluntur
berklorin | 44. (1) Tepung gandum diluntur berklorin hendaklah tepung gandum yang telah diperlaku dengan klorin.

(2) Amaun klorin yang ditambah pada tepung gandum diluntur berklorin tidak boleh melebihi 1,500 miligram bagi setiap kilogram (mg/kg).

(3) Tepung gandum diluntur berklorin tidak boleh mengandungi lebih daripada 0.6 peratus abu dihitung atas asas 14 peratus lembapan.”. |
|--|---|

Pindaan peraturan 45

5. Subperaturan 45(2) Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam perenggan (a)—

(i) dalam subperenggan (i), dengan menggantikan perkataan “air” dengan perkataan “lembapan”; dan

(ii) dengan menggantikan subperenggan (ii) dengan subperenggan yang berikut:

“(ii) 39 peratus kanji dihitung atas asas 10 peratus lembapan;” dan

(b) dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan “12 peratus nitrogen dihitung atas asas tanpa air” dengan perkataan “61 peratus protein dihitung atas asas 10 peratus lembapan”.

Pindaan peraturan 46

6. Peraturan 46 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan perkataan “hendaklah tepung” dengan perkataan “hendaklah tepung gandum”; dan

(b) dengan menggantikan perkataan “2.7 peratus nitrogen dihitung atas asas tanpa air” dengan perkataan “13.2 peratus protein dihitung atas asas 14 peratus lembapan”.

Pindaan peraturan 47

7. Peraturan 47 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—
- (a) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “0.64 peratus karbon dioksida” dengan perkataan “0.58 peratus karbon dioksida dihitung atas dasar berat kering”;
 - (b) dalam subperaturan (2) —
 - (i) dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan (a);
 - (ii) dengan menggantikan noktah di hujung perenggan (b) dengan perkataan “; dan”; dan
 - (iii) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:
 - “(c) tidak boleh mengandungi lebih daripada 2.75 peratus abu dihitung atas dasar 14 peratus lembapan.”.

Pindaan peraturan 48

8. Peraturan 48 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—
- (a) dengan menggantikan subperaturan (2) dengan subperaturan yang berikut:
 - “(2) Tepung gandum penuh—
 - (a) hendaklah mengandungi—
 - (i) tidak kurang daripada 1.72 peratus serat kasar dihitung atas dasar 15 peratus lembapan; dan

- (ii) tidak kurang daripada 10 peratus protein dihitung atas asas 15 peratus lembapan;

(b) tidak boleh mengandungi lebih daripada 15 peratus lembapan; dan

(c) tidak boleh menghasilkan lebih daripada 2 peratus abu dihitung atas asas 15 peratus lembapan.”; dan

(b) dengan memasukkan selepas subperaturan (3) subperaturan yang berikut:

“(4) Saiz zarah tepung gandum penuh hendaklah tidak kurang daripada 50 peratus yang boleh menembusi penapis bersaiz 0.85 mm.”.

Peraturan baharu 48A dan 48B

9. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 48 peraturan yang berikut:

“Tepung roti 48A. “(1) Tepung roti hendaklah hasil yang diperoleh daripada tepung gandum yang hendaklah mengandungi—

(a) tidak lebih daripada 0.7 peratus abu dihitung atas dasar 14 peratus lembapan; dan

(b) tidak kurang daripada 12 peratus protein dihitung atas dasar 14 peratus lembapan.

(2) Tepung roti boleh mengandungi tidak lebih daripada 100 miligram bagi setiap kilogram (mg/kg) kalsium perokksida sebagai kondisioner makanan yang dibenarkan.

Tepung atta

48B. (1) Tepung atta hendaklah hasil yang diperoleh daripada tepung gandum dengan kadar pengekstrakan sekurang-kurangnya 90 peratus gandum.

(2) Tepung atta—

(a) tidak boleh mengandungi—

(i) lebih daripada 2 peratus abu dihitung atas asas 14 peratus lembapan; dan

(ii) gandum malt atau barli malt; dan

(b) hendaklah mengandungi tidak kurang daripada—

(i) 9 peratus protein dihitung atas asas 14 peratus lembapan; dan

(ii) 1.72 peratus serat kasar dihitung atas asas 14 peratus lembapan.

(3) Saiz zarah tepung atta hendaklah yang boleh menembusi penapis bersaiz 0.50 mm.”.

Dibuat 13 Jun 2017
[KKM. 600-1/1/35; PN(PU2)418/XXIV]

DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM
Menteri Kesihatan

FOOD ACT 1983

FOOD (AMENDMENT) (NO. 3) REGULATIONS 2017

IN exercise of the powers conferred by section 34 of the Food Act 1983 [Act 281], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Food (Amendment) (No. 3) Regulations 2017**.

(2) These Regulations come into operation on 15 June 2018.

Amendment of regulation 42

2. The Food Regulations 1985 [P.U. (A) 437/1985], which are referred to as the “principal Regulations” in these Regulations, are amended in subregulation 42(2), by substituting for the words “or sulphites” the words “, sulphites or asparaginase”.

Substitution of regulation 43

3. The principal Regulations are amended by substituting for regulation 43 the following regulation:

“Wheat flour 43. (1) Wheat flour shall consist of—

(a) common wheat (*Triticum aestivum L.*);

(b) club wheat (*Triticum compactum Host*); or

(c) a mixture of common wheat (*Triticum aestivum L.*)
and club wheat (*Triticum compactum Host*).

(2) Wheat flour shall be the fine, clean and sound product obtained in the grinding or milling process of sound and cleaned wheat.

(3) Wheat flour may—

(a) contain asparaginase, amylase, amyloglucosidase, cellulase, glucose oxidase, protease and lipase as permitted food conditioners; and

(b) be added with not more than 0.75 per cent of malted wheat or barley.

(4) Except as otherwise provided in these Regulations, wheat flour—

(a) shall not contain more than—

(i) 14 per cent moisture; and

(ii) 1 per cent ash calculated on 14 per cent moisture basis; and

(b) shall contain not less than 7 per cent of protein calculated on 14 per cent moisture basis.

(5) The particle size of wheat flour shall be not less than 98 per cent that can pass through a 0.20 mm sieve.

(6) Notwithstanding subregulation 26(7), a label which describes wheat flour shall not contain the words "enriched flour" or any other words of the same significance unless the following nutrients contained in 100 gm wheat flour on 14 per cent moisture

basis are not less than—

- (a) 0.42 mg thiamine;
- (b) 0.48 mg riboflavin; and
- (c) 5.4 mg niacin.”.

Substitution of regulation 44

4. The principal Regulations is amended by substituting for regulation 44 the following regulation:

“Chlorinated bleached wheat flour shall be wheat flour that has been treated with chlorine.
flour

- 44. (1) Chlorinated bleached wheat flour shall be wheat flour that has been treated with chlorine.
- (2) The amount of chlorine added into the chlorinated bleached wheat flour shall not exceed 1,500 milligram per kilogram (mg/kg).
- (3) Chlorinated bleached wheat flour shall not contain more than 0.6 per cent ash calculated on 14 per cent moisture basis.”.

Amendment of regulation 45

5. Subregulation 45(2) of the principal Regulations is amended—

(a) in paragraph (a)—

- (i) in subparagraph (i), by substituting for the word “water” the word “moisture”; and

- (ii) by substituting for subparagraph (ii) the following subparagraph:
 - "(ii) 39 per cent of starch calculated on 10 per cent moisture basis; and
- (b) in paragraph (b), by substituting for the words "12 per cent of nitrogen calculated on a water-free basis" the words "61 per cent of protein calculated on 10 per cent moisture basis".

Amendment of regulation 46

6. Regulation 46 of the principal Regulations is amended—

- (a) by substituting for the words "shall be the flour" the words "shall be the wheat flour"; and
- (b) by substituting for the words "2.7 per cent of nitrogen calculated on a water-free basis" the words "13.2 per cent of protein calculated on 14 per cent moisture basis".

Amendment of regulation 47

7. Regulation 47 of the principal Regulations is amended—

- (a) in subregulation (1), by substituting for the words "0.64 per cent of carbon dioxide" the words "0.58 per cent of carbon dioxide calculated on a dry weight basis";
- (b) in subregulation (2)—
 - (i) by deleting the word "and" at the end of the paragraph (a);
 - (ii) by substituting for the full stop at the end of paragraph (b) the words "; and"; and

(iii) by inserting after paragraph (b) the following paragraph:

“(c) shall not contain more than 2.75 per cent ash calculated on 14 per cent moisture basis.”.

Amendment of regulation 48

8. Regulation 48 of the principal Regulations is amended—

(a) by substituting for subregulation (2) the following subregulation:

“(2) Wholemeal wheat flour—

(a) shall contain—

(i) not less than 1.72 per cent of crude fibre calculated on 15 per cent moisture basis; and

(ii) not less than 10 per cent of protein calculated on 15 per cent moisture basis;

(b) shall not contain more than 15 per cent of moisture; and

(c) shall not yield more than 2 per cent of ash calculated on 15 per cent moisture basis.”; and

(b) by inserting after subregulation (3) the following subregulation:

“(4) The particle size of wholemeal flour shall be not less than 50 per cent that can pass through a 0.85 mm sieve.”.

New regulations 48A and 48B

9. The principal Regulations is amended by inserting after regulation 48 the following regulations:

“Bread flour 48A. (1) Bread flour shall be the product obtained from wheat flour that shall contain—

(a) not more than 0.7 per cent ash calculated on 14 per cent moisture basis; and

(b) not less than 12 per cent of protein calculated on 14 per cent moisture basis.

(2) Bread flour may contain not more than 100 milligram per kilogram (mg/kg) calcium peroxide as a permitted food conditioner.

Atta flour 48B. (1) Atta flour shall be the product obtained from wheat flour with an extraction rate of at least 90 per cent of wheat.

(2) Atta flour—

(a) shall not contain—

(i) more than 2 per cent ash calculated on 14 per cent moisture basis; and

(ii) malted wheat or barley; and

(b) shall contain not less than—

(i) 9 per cent protein calculated on 14 per cent moisture basis; and

(ii) 1.72 per cent crude fiber calculated on 14 per cent moisture basis.

(3) The particle size of atta flour shall be such that can pass through a 0.50 mm sieve.”.

Made 13 June 2017
[KKM. 600-1/1/35; PN(PU2)418/XXIV]

DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM
Minister of Health